

# Task force pengurusan pokok berisiko Kuala Lumpur ditubuhkan

**KUALA LUMPUR** - Pasukan petugas pengurusan pokok berisiko di Kuala Lumpur telah ditubuhkan susulan insiden pokok tumbang di Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur Mei lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa berkata, mesyuarat jawatan kuasa itu yang pertama telah diadakan pada Selasa menandakan penubuhannya secara rasmi.

Menurutnya, pasukan berkenaan diwujudkan bertujuan menghimpunkan aspek penyelidikan, pengetahuan, aplikasi teknologi dan kepakaran dalam bidang pengurusan pokok teduhan di bandar raya Kuala Lumpur.

“Selain DBKL selaku peneraju, mesyuarat turut melibatkan beberapa kluster keanggotaan termasuk para akademik daripada Universiti Putra Malaysia (UPM), *Institute of Landscape Architects Malaysia* (ILAM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

**Laporan Sinar Harian berhubung isu pokok tumbang di Kuala Lumpur.**



“Badan profesional seperti Persatuan Arboris Malaysia dan beberapa agensi Kerajaan termasuk Jabatan Wilayah Persekutuan, Jabatan Landskap Negara, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta Jabatan Pertahanan Awam Kuala Lumpur turut dilibatkan.

“Keanggotaan juga akan turut diperluaskan kepada beberapa badan bukan kerajaan (NGO) aktivis alam sekitar,” katanya menerusi kenyataan pada Rabu.

Katanya, perkongsian ilmu dan maklumat dari keanggotaan tersebut diharapkan dapat menghasilkan satu garis panduan lebih komprehensif serta mengambil amalan terbaik dari negara-negara lain dalam penyelenggaraan dan pengurusan pokok teduhan di ibu negara.

Tambah beliau lagi, pasukan tersebut juga perlu meneliti pelan penggantian pokok dengan memberi fokus kepada Program Penanaman Satu Juta Pokok di Kuala Lumpur serta perhatian kepada faktor seperti spesies pokok, ruang penanaman dan kedalaman akar.